

## **UMP Terima 2274 Pelajar Baharu**



Kuantan, 30 Ogos- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 2274 pelajar baharu mendaftar hari ini yang berlangsung serentak di dua kampus UMP Pekan dan Gambang bagi kemasukan sesi akademik 2015/2016.

Lebih membanggakan sebanyak 72 peratus pelajar yang ditawarkan ini mempunyai kelayakan CGPA minimum 3.00 malahan terdapat seramai 14 orang di kalangan pelajar mempunyai CGPA 4.00 memilih UMP sebagai destinasi pengajian mereka.



Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada kemasukan pelajar sesi akademik ini, UMP menawarkan program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan kepujian dengan kerjasama universiti Jerman iaitu Reutlingen University (RU).

"Pada tahun ini juga program dwi-ijazah bertaraf antarabangsa melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) ini turut menerima banyak permohonan.



Hanya seramai 60 pelajar berjaya ditawarkan tempat untuk mengikuti ijazah sarjana muda bagi Kejuruteraan Automotif dan program ijazah sarjana muda Kejuruteraan Mekatronik," katanya semasa bertemu dengan pelajar dan ibu bapa pada hari pendaftaran pelajar di Kompleks Sukan UMP.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie.



UMP juga menerima seramai 28 pelajar antarabangsa yang bakal mengikuti pengajian sarjana muda melibatkan 4 negara termasuk pelajar dari Yemen, China, Sudan dan Somalia.

Bagi pelajar Nuraishah Basri, 19 yang berasal dari Sg. Pau Sik Kedah beliau berbangga dapat mengikuti pengajian kejuruteraan elektrik di UMP namun terasa agak sedih terpaksa berjauhan dari keluarga.



Beliau yang merupakan anak keempat daripada 11 beradik berbangga dengan usaha UMP yang banyak membantu sehingga beliau berjaya mendaftar hari ini memandangkan bapanya hanya bekerja sebagai penoreh getah manakala ibunya menjual nasi lemak di kampung.

Begitu juga bagi pelajar Abdul Muiz Said, 19 dari Kelantan yang akan mengikuti program pengurusan industri. Beliau berhasrat untuk mencapai kejayaan cemerlang untuk membalas segala pengorbanan keluarganya yang bersusah payah sehingga membolehkannya melangkah ke menara gading ini



Minggu Induksi Siswa (MINDS) yang berlangsung selama seminggu ini melibatkan semua pelajar baharu bagi membiasakan diri dengan kehidupan kampus. Antara program adalah taklimat akademik, program Bicara Merdeka, Amanat Naib Canselor serta program khidmat komuniti bersama masyarakat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 01-09-2015, 08:07:27